

28/02/2003

Dana biaya pakej rangsang ekonomi mencukupi

MALAYSIA tidak perlu mendapatkan dana daripada sumber asing bagi membiayai pakej rangsangan ekonomi tambahan kerana mempunyai mudah tunai dalam negara yang boleh digunakan bila-bila masa.

Menteri Kewangan II, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata Malaysia mempunyai dana tempatan yang cukup dan kecairan bukanlah satu isu pada masa ini.

"Kita mempunyai kecairan. Jika kita mengambil keputusan melaksanakan (pakej rangsangan), kita mempunyai cukup dana malah mungkin lebih," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan sehari mengenai Pengurusan Pengetahuan Nasional anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli).

Jamaludin diminta mengulas jika kerajaan akan meminjam dana asing membiayai pakej rangsangan tambahan yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jamaludin berkata, sumber dana daripada institusi tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sentiasa mempunyai kecairan pada paras yang baik.

Katanya, ketika sumber dana dan kecairan bukan isu domestik utama ketika ini, yang lebih penting ialah bagaimana untuk memastikan ekonomi negara kekal dalam keadaan baik.

"Umumnya, kita perlu melihat dari segi ekonomi. Sebagai contoh, dari segi Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang biasanya lebih kepada perkilangan.

"Kita mahu menilainya semula supaya ia lebih kepada sektor perkhidmatan. Kita perlu juga melihat kepada sumber pertumbuhan baru, iaitu isu yang lebih struktural," katanya.

Diminta mengulas tindakan Valuecap Sdn Bhd (ValueCap) memasuki pasaran saham tempatan mulai 10 Januari lalu, Jamaludin berkata, ia membawa kesan baik dan kini banyak kaunter diniagakan pada nilai sepatutnya.

"Kerajaan akan terus melihat kedudukan saham kita dan bagaimana memastikan pasaran terus subur kerana ia membabitkan banyak pihak dalam masyarakat, bukan saja pelabur tetapi juga pengantara," jelasnya.